

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK WONG TIEN FATT
@ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]**

SOALAN NO. 512

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan semua projek-projek di peringkat PBT di seluruh Sabah khususnya di Sandakan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan projek-projek berskala kecil di bawah peruntukan projek pembangunan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Projek-projek ini meliputi 3 skop utama iaitu infrastruktur, kemudahan awam dan sosio-ekonomi. Sejak tahun 2016 hingga 2018, KPKT telah membelanjakan sebanyak RM17.2 juta bagi melaksanakan 454 projek di kawasan Majlis Perbandaran Sandakan (MP Sandakan). Ringkasan projek BP.1 di kawasan MP Sandakan adalah seperti berikut:

NO SOALAN : 512

Bil.	Tahun	Bilangan Projek	Kos Projek (RM Juta)
1	2016	21	2.32
2	2017	59	3.74
3	2018	374	11.2
Jumlah		454	17.2

2. Manakala bagi keseluruhan Negeri Sabah pula, sebanyak 3,359 projek telah dilaksanakan dalam tempoh tahun 2016 hingga 2018 dengan kos sebanyak RM262.98 juta. Ringkasan projek BP.1 di Negeri Sabah adalah seperti berikut:

Bil.	Tahun	Bilangan Projek	Kos Projek (RM Juta)
1.	2016	477	73.20
2.	2017	1178	75.37
3.	2018	1704	114.41
Jumlah		3359	262.98

Sekian, terima kasih.